JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

LAPORAN TAHUNAN 2025





ANNUAL REPORT

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

DITERBITKAN OLEH:
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN
Aras 1 & 2, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan -tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pihak penerbit. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa - apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan
Aras 1 & 2, Bangunan Yayasan Negeri Sembilan
Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel: +606-764 9017
Faks:+606-7649019

ISSN: 3030-6469

ISI KANDUNGAN

Visi, Misi dan Fungsi Jabatan Alam Sekitar vii
Perutusan Pengarah viii

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1 Pentadbiran Am Dan Sumber Manusia 1-2
1.1.1 Pengisian Perjawatan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Waran Perjawatan B. K 146 Tahun 2024 3-4
1.1.2 Pengisian Perjawatan di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2024 5
1.1.3 Rekod Kursus/ Latihan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2024 6-9
1.1.4 Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2024 10-11
1.2 Kewangan 11
1.2.1 Peruntukan JAS Negeri Sembilan Tahun 2024 12
1.2.2 Kutipan Hasil Tahun 2024 12

BAB 2: BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.1 Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) 13
2.1.1 Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA 13-15
2.1.2 Kerja Tanah 15-16
2.1.3 Tindakan Perundangan 16
2.1.4 Kuari 17-18
2.2 Input Pembangunan 19-21
2.3 Pengawasan Kualiti Air Tanah 22-26
2.4 Pelesenan Dan Pemberitahuan Bertulis 27
2.4.1 Kebenaran Bertulis Di Bawah Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 27
2.4.2 Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 27
2.4.3 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 28
2.4.4 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 29
2.4.5 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 29
2.4.6 Lesen Pelanggaran 29-30
2.5 Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar 30
2.5.1 Program Rakan Alam Sekitar 30
2.5.2 Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar 31
2.5.3 Sambutan Hari Bumi 32

ISI KANDUNGAN

BAB 2: BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.4	Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia	33
2.5.5	Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia	34
2.5.6	Sekolah Lestari-Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)	35-36
2.5.7	Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)	37-38
2.5.8	Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (E-Waste)	39

BAB 3: OPERASI

3.1	**Kawalan Premis Yang Ditetapkan (PYDT)**	40
3.1.1	Kilang Getah Asli Mentah (KG)	40
3.1.2	Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)	40
3.1.3	Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual Dan Pembawa Yang Ditetapkan	40-42
3.2	**Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)**	43-44
3.3	**Kawalan Kenderaan Bermotor**	45
3.3.1	Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel	45
3.3.2	Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol	46
3.3.3	Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal	47
3.3.4	Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor	47-49
3.4	**Aduan**	50
3.4.1	Kategori Aduan Pencemaran	50-52
3.5	**Statik Tindakan Perundangan**	53
3.5.1	Notis Arahan	53
3.5.2	Kompaun	54
3.5.3	Pendakwaan Dan Tindakan Mahkamah	55

SENARAI JADUAL

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Jadual 1.1.1	Pengisian Perjawatan di Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2024	3-4
Jadual 1.1.2	Pengisian Perjawatan Di Cawangan Kuala Pilah Waran Perjawatan Bil. K 146 Tahun 2024	5
Jadual 1.1.3	Rekod Kursus/ Latihan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2024	6-9
Jadual 1.1.4	Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2024	10-11
Jadual 1.2.1	Jumlah Peruntukan yang Diluluskan Tahun 2024	12
Jadual 1.2.2	Kutipan Hasil Tahun 2024	12

BAB 2: PEMBANGUNAN

Jadual 2.1.1.3	Bilangan Punca Sasaran Pemeriksaan Dan Pencapaian Pemeriksaan Bagi Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA Tahun 2024	15
Jadual 2.3.2	Indeks Kualiti Air Tanah	23
Jadual 2.3.4	Keputusan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2024	25
Jadual 2.4.1.1	Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2024	27
Jadual 2.4.2.1	Bilangan Pembaharuan Lesen Yang Diterima Mengikut Jenis PYDT Tahun 2024	28
Jadual 2.4.3.1	Bilangan Permohonan yang Diterima dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2024	28

BAB 3: OPERASI

Jadual 3.1.3.1	Jumlah Lesen PYDT BT Mengikut Jenis Lesen Tahun 2024	41

SENARAI JADUAL

BAB 1: PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Rajah 1.1	Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2024	2

BAB 2: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN

Rajah 2.1.1.1	Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2024	14
Rajah 2.1.1.2	Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Tahun 2024	14
Rajah 2.1.2.1	Status Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2024	16
Rajah 2.1.3.1	Tindakan yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kerja Tanah Tahun 2024	16
Rajah 2.1.4.1	Status Pematuhan Aktiviti Kuari Tahun 2024	17
Rajah 2.1.4.2	Tindakan Yang Dikenakan Bagi Aktiviti Kuari Tahun 2024	17
Rajah 2.2.1	Bilangan Permohonan yang Diterima Tahun 2024	20
Rajah 2.2.2	Perbandingan Jumlah Permohona dari Tahun 2021 hingga Tahun 2024	20
Rajah 2.2.3	Bilangan Permohonan jyang Diterima sepanjang Tahun 2024 Mengikut PBT	21
Rajah 2.3.3	Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2024	24

BAB 3: OPERASI

Rajah 3.1.3.2	Jumlah Premis yang Ditetapkan (PYDT) Mengikut Jenis Lesen Tahun 2024	42
Rajah 3.1.3.3	Peratus Premis yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2024	42
Rajah 3.2.1	Bilangan Pemeriksaan ke atas Prmeis PYDT Mengikut Suku Tahun bagi Tahun 2024	43
Rajah 3.3.1.1	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel (Ops Statik) bagi Tahun 2024	45
Rajah 3.3.1.2	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel (Ops Catat dan Kamera Video) bagi Tahun 2024	46
Rajah 3.3.2.1	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/ HC Kenderaan Peterol bagi Tahun 2024	46
Rajah 3.3.3.1	Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising dari Motosikal bagi Tahun 2024	47
Rajah 3.3.4.1	Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor bagi Tahun 2024	48
Rajah 3.4.1.1	Bilangan Aduan Mengikut Bulan pada Tahun 2024	51
Rajah 3.4.1.2	Bilangan Aduan Mengikut Daerah Tahun 2024	51
Rajah 3.4.1.3	Bilangan Aduan Mengikut Jenis Pencemaran Tahun 2024	52
Rajah 3.5.1.1	Bilangan Notis Arahan yang Dikeluarkan Tahun 2024	53
Rajah 3.5.2.1	Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan dan Seksyen Kesalahan Tahun 2024	54
Rajah 3.5.3.1	Bilangan Pertuduhan Didaftarkan Mengikut Kesalahan Tahun 2024	55

SENARAI GAMBAR

BAB 2: PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR DAN INPUT PEMBANGUNAN

Gambar 2.1.3.3	Kerja-Kerja Pemeriksaan Ke Atas Projek Yang Mempunyai Kelulusan Laporan EIA	18
Gambar 2.3.1	Taburan Stesen Kualiti Air Tanah Kebangsaan Di Negeri Sembilan	22
Gambar 2.3.5	Kerja-Kerja Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2024	26
Gambar 2.5.2.1	Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar Tahun 2024	31
Gambar 2.5.3.1	Program Sambutan Hari Bumi Tahun 2024	32
Gambar 2.5.4.1	Program Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2024	33
Gambar 2.5.5.1	Program Sambutan Hari Ozon Sedunia Tahun 2024	34
Gambar 2.5.6.1	Logo SLAAS Sesi 2023/2024 Peringkat Negeri Sembilan	35
Gambar 2.5.6.2	Bengkel Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2024	36
Gambar 2.5.7.1	Logo Hari Alam Sekitar Negara 2024	37
Gambar 2.5.7.2	Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2024	38
Gambar 2.5.8.1	Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (e- Waste) Tahun 2024	39

BAB 3: OPERASI

Gambar 3.2.2	Aktiviti-aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2024	44
Gambar 3.3.4.2	Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel dan Kawalan Fleet Operator Premis yang Mengendalikan Kenderaan Berenjin Diesel Tahun 2024	49



VISI

Pemuliharaan alam sekitar untuk kesejahteraan rakyat



MISI

Memastikan pembangunan lestari di dalam proses memajukan negara



FUNGSI

Mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekeliling, selaras dengan maksud akta kualiti sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan dibawahnya

PERUTUSAN PENGARAH



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Buku Laporan Tahunan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan bagi tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan laporan ini merupakan satu manifestasi komitmen, kerja keras, dan pencapaian seluruh warga JAS Negeri Sembilan dalam menggalas amanah memelihara serta memulihara kualiti alam sekitar di negeri ini.

Laporan tahunan ini memberikan gambaran keseluruhan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan oleh jabatan ini sepanjang tahun 2025 merangkumi usaha-usaha yang telah dilaksanakan terhadap tiga (3) fungsi utama JAS iaitu mencegah dan mengawal pencemaran air, pencemaran udara dan pengurusan buangan terjadual. Pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas punca-punca pencemaran serta tindakan undang-undang telah diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan.

Pada Tahun 2025, Perintah Alam Sekeliling (Perwakilan kuasa kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan) telah diwartakan pada 07 Julai 2025 dan berkuatkuasa pada 08 Julai 2025. Perintah ini telah menggabungkan 6 perintah sedia ada kepada satu perintah Tunggal dengan melibatkan 13 agensi Kerajaan. Melalui perintah ini, Ketua Pengarah Alam Sekitar mewakilkan kuasa kepada agensi berkaitan dibawah Seksyen 49 AKAS 1974 bagi mengukuhkan penguatkuasaan dan menangani isu alam sekitar secara lebih berkesan dan bersepadu.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan meneruskan pendekatan pemantauan kendiri (self-regulation) sebagai pelengkap kepada command and control (CAC) bagi memasikan pematuhan kepada AKAS 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. JAS Negeri Sembilan terus mempromosikan program kesedaran dan pendidikan alam sekitar serta penyebaran maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat sebagai usaha berterusan dalam membangunkan masyarakat mesra alam di negeri ini. Pelbagai program kesedaran telah dilaksanakan pada tahun 2025.

Dalam memacu kearah pembangunan mampan, penjagaan alam sekitar juga adalah agenda utama yang perlu dititikberatkan selain daripada aspek ekonomi dan sosial. Besarlah harapan Jabatan ini agar segenap lapisan masyarakat dapat berganding bahu dan membantu sinergi untuk melindungi alam sekitar dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang berteraskan pembangunan lestari. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sembilan, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta semua pihak yang telah memberikan kerjasama, sokongan dan komitmen kepada JAS Negeri Sembilan dalam melaksanakan tugasan murni dan mendukung tanggungjawab memelihara dan memulihara alam sekitar kita untuk kesejahteraan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

ABDUL AZIZ BIN PARMIN
Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

FUNGSI BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Bahagian Pentadbiran, Perkhidmatan dan Kewangan adalah bahagian yang menguruskan perkara berkaitan pentadbiran am, perkhidmatan/ sumber manusia dan kewangan.

1.1 PENTADBIRAN AM DAN SUMBER


Struktur organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan diterajui oleh Pengarah, Gred C14. Jabatan ini terdiri daripada empat (4) bahagian dan satu (1) cawangan, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi 1, Bahagian Operasi 2 dan Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kuala Pilah.

Setiap bahagian diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah Gred C13 atau Gred C12 mengikut struktur dan fungsi bahagian masing-masing, manakala Bahagian Pentadbiran dan Kewangan diterajui oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N6.

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kuala Pilah pula diketuai oleh seorang Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C10 yang bertindak sebagai Ketua Cawangan dan bertanggungjawab menyelaras pelaksanaan fungsi serta aktiviti jabatan di peringkat cawangan.

Rajah 1.1 menunjukkan Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan bagi Tahun 2025.

CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN



BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1.1 Pengisian Jawatan

Butiran	Senarai Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
			Lulus	Isi	Kosong
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C14	1	1	-
2.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C13	1	1	-
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C12	2	2	-
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C10	2	2	-
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C9/C10	6	5	1
6.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C7	1	0	1
7.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	JA5 / JA6 / JA 7	2	2	-
8.	Penolong Akauntan	W5 / W6 / W7	1	1	-
9.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera/ Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	JA5/ JA6/ JA7/ C5/ C6/ C7	2	2	-
10.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C5 / C6/ C7	11	11	-

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1.1 Pengisian Jawatan

Butiran	Senarai Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
			Lulus	Isi	Kosong
11.	Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) / Penolong Jurutera	JA5/JA6/JA7	12	12	-
12.	Penolong Pegawai Tadbir	N6	1	1	-
13.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA5/FA6	1	1	-
14.	Pembantu Khas Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat	N1/N2/N3	1	1	-
15.	Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N1/N2/N3	5	5	1
16.	Pembantu Akauntan	W1/W2/W3	1	1	1
17.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N1/ N2/ N	-	-	-
18.	Pembantu Khidmat Awam	H1/H2/H3	5	5	-
	Jumlah		**57**	**55**	**2**

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.1.1 Pengisian Jawatan

Butiran	Senarai Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
			Lulus	Isi	Kosong
1.	Penolong Pengarah Kawalan Alam Sekitar	C10	1	1	-
2.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C6/C7	1	1	-
3.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar	C5/C6/C7	3	3	-
4.	Pelukis Plan (Kejuruteraan Awam)/ Penolong Jurutera	JA5/JA6/ JA7/JA8	3	3	-
5.	Pemandu Kenderaan	H1/H2/H3	1	1	-
	JUMLAH		**9**	9	

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.2 Rekod Kursus / Latihan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

Bil	Nama	Jawatan	Jumlah Hari Kursus
1.	Abdul Aziz Bin Parmin	Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C14	11
2.	Mohd Norli bin Abdullah	Ketua Penolong Pengarah Kanan, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C13	25
3.	Mohd Asri Bin Ramli	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C12	17
4.	Ir Mohd Nazir bin Mansor	Ketua Penolong Pengarah, Pegawai Kawalan Alam Sekitar C12	19
5.	Mohd Fadli Bin Ismail	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C12	23
6.	Nasrum Bin Zubir	Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C10	21
7.	Nurul Hani Binti Hasnan	Ketua Cawangan, Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C10	26
8.	Azri Muzani Bin Azizun	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9	0
9.	Muhammad Fitri Bin Soroni	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9	23
10.	Zarith Sufiani Binti Baharom	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9	29
11.	Kosong	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9	0
12.	Muhammad Hazwan Bin Mohd Hazman	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C9	24
13.	Muhammad Mukmin bin Rusli	Pegawai Kawalan Alam Sekitar C C9	92
14.	Noor Huda binti Mohd Yusof @ Mohd Salleh	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C7	13
15.	Mohd Radzi Bin Mawi	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C7	11
16.	Mohd Shukri Bin Noh	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	22
17.	Junaidah Binti Hussin	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	12
18.	Hafizah Binti Hamdan	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	9
19.	Muhamad Zulkifli Bin Othman	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	8

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.2 Rekod Kursus / Latihan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

Bil	Nama	Jawatan	Jumlah Hari Kursus
21.	Mohammad Hadayaddin Bin Hisham	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	10
22.	Mohd Azwar Bin Zakariya	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C6	26
23.	Normasliza binti Mohd Wazir	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA 6	25
24.	Munirah Binti Zakaria	Penolong Pegawai Tadbir Kanan N6	16
25.	J.Nisah Binti Jalani	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan C5	21
26.	Muhammad Syafiq Bin Johari	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	11
27.	Zul Fahmie Izzuddin Bin Md Shahudin	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	16
28.	Nurfarisha Adura Binti Shaari	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	11
29.	Fariza Binti Ahmad Puzi	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	36
30.	Muhammad Nazri Bin Abd Razak	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	6
31.	Wan Nur Zaihirah Bt Wan Daud	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	4
32.	Mohd Haziq Bin Ishaq	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	15
33.	Ahmad Firdaus Bin Nordin	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	32
34.	Siti Nurul Shafiqa binti Ithnin	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C5	22
35.	Erma Zairani Binti Jailani	Penolong Jurutera JA5	13
36.	Norlina Binti Ibrahim	Penolong Jurutera JA5	12
37.	Mohd Azizi Bin Mohd Jali	Penolong Jurutera JA5	19
38.	Izwan Bin Mad Nor	Penolong Jurutera JA5	6
39.	Mohd Awaluddin Bin Baharudin	Penolong Jurutera JA5	19
40.	Hazhira Binti Md Din	Penolong Jurutera JA5	9
41.	Mohd Fadil Bin Daud	Penolong Jurutera JA5	12
42.	Faizal Effandi Bin Ramli	Penolong Jurutera Ja5	25
43.	Nur Aslina Binti Abd Rashid	Penolong Jurutera Ja5	17
44.	Kairul Anuar Bin Yusof	Penolong Jurutera JA5	23

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.2 Rekod Kursus / Latihan Pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

Bil	Nama	Jawatan	Jumlah Hari Kursus
45.	Nursyadah Binti Dzolkiple	Penolong Jurutera JA5	19
46.	Nur Afidah Bin Khairrudin	Penolong Jurutera JA5	9
47.	Nor Hamizah Binti Kamis	Penolong Jurutera JA5	18
48.	Muhammad Nazri Bin Azman	Penolong Jurutera JA5	11
49.	Mohamad Noor Adnan Bin Zulkafli	Penolong Jurutera JA5	16
50.	Khairuddin Bin Mohamad	Penolong Jurutera JA5	9
51.	Nora Mardiana Binti Kamal	Penolong Jurutera JA5	6
52.	Nur Hidayah Binti Jamil	Penolong Akauntan W5 (Kup)	5
53.	Melur Fitrawati Binti Mustapha	Pembantu Tadbir (P/O) N2 (Kup)	13
54.	Fasihah Binti Hj Abd Kader	Pembantu Tadbir (P/O) N2 (Kup)	6
55.	Nor Lyedia Binti Abdul Hamid	Pembantu Tadbir (P/O) N2 (Kup)	13
56.	Monarita Binti Mansor	Pembantu Tadbir (P/O) N2 (Kup)	23
57.	Siti Farah Diyana Binti Norhan	Pembantu Tadbir (P/O) N1	15
58.	Nurul Hani Binti Ma'amor	Setiausaha Pejabat N1	20
59.	Norashikin Binti Ramli	Pembantu Akauntan W1	12
60.	Maslihin Bin Rosli	Pembantu Khidmat Awam H1	11
61.	Mohd.Azali Bin Mohd.Nor	Pembantu Khidmat Awam H1	5
62.	Irwan Bin Djumalis	Pembantu Khidmat Awam H1	15
63.	Mohd Faizal Bin Rosli	Pembantu Khidmat Awam H1	13
64.	Mohd Azrin Bin Mohd Azhari	Pembantu Khidmat Awam H1	8
65.	Mazlan Bin Zakaria	Pembantu Khidmat Awam H1	10

Jadual 1.2 : Rekod Kursus / Latihan Kakitangan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.3 Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

1



PN.FARIZA BINTI AHMAD PUZI
PENOLONG PEGAWAI KAWALAN
ALAM SEKITAR GRED C5

2



EN. MOHD FADIL BIN DAUD
PENOLONG JURUTERA
GRED JA 5

3



PN. ERMA ZAIRANI BINTI JAILANI
PENOLONG JURUTERA
GRED JA 5

4



EN. MOHD AZIZI BIN MOHD JALI
PENOLONG JURUTERA
GRED JA 5

5



EN. MASLIHIN BIN ROSLI
PEMBANTU KHIDMAT AM
GRED H1

Jadual 1.3 : Senarai Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan Tahun 2025

BAB 1
PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

1.4 KEWANGAN

1.4.1 Peruntukan JAS Negeri Sembilan

Pada tahun 2025, jumlah peruntukan yang diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah seperti di jadual berikut:

Jenis Peruntukan Tahun 2022	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	%
Mengurus	6,101,939.06	5,977,545.72	97%
Pembangunan	46,557.39	46,382.39	99%

Jadual 1.5: Jumlah Peruntukan Yang Diluluskan Tahun 2025

1.4.2 Kutipan Hasil

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah memungut hasil berjumlah **RM 361,390.40**. Kutipan hasil penguatkuasaan iaitu bayaran hasil mahkamah, bayaran lesen dan bayaran kompaun. Selain itu kutipan hasil turut diterima dari aktiviti pelupusan harta benda kerajaan.

Bil	Butiran Kutipan	Hasil Kutipan 2025 (RM)
1	a) Bayaran Lesen Bayaran Hasil Mahkamah Bayaran balik gaji Penerimaan balik bayaran tahun lalu b) Pelupusan c) Bayaran Kompaun d) Pelbagai Jualan	RM 361,390.40

Jadual 1.6: Kutipan Hasil Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN


2.1 PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA)

Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling atau *Environmental Impact Assessment (EIA)* merupakan satu alat perancangan penting dalam pengurusan pembangunan alam sekitar. Kajian EIA bertujuan untuk mengawal dan mengenalpasti potensi impak sesuatu aktiviti kepada alam sekitar dan cadangan langkah-langkah kawalan dan tebatan bagi sebelum sesuatu projek pembangunan dijalankan.

Keperluan bagi penyediaan Laporan EIA adalah sebagaimana yang diperuntukkan dibawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Bagi mana-mana aktiviti yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Kesan Alam Sekeliling) 2015, Laporan EIA hendaklah dikemukakan terlebih dahulu kepada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling untuk kelulusan sebelum sesuatu projek dilaksanakan. Walau bagaimanapun, Laporan EIA bukan merupakan kelulusan pelaksanaan sesuatu projek sebaliknya ia merupakan suatu input kepada pihak yang meluluskan seperti pihak Berkuasa Tempatan dan Kerajaan Negeri. Laporan EIA akan menjadi salah satu dokumen rujukan bagi membolehkan pihak yang meluluskan membuat pertimbangan ke atas sesuatu projek pembangunan.

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak sembilan belas (19) Laporan EIA di bawah Jadual Pertama yang melibatkan 9 aktiviti yang ditetapkan. Perincian bilangan Laporan EIA yang diterima mengikut jenis aktiviti adalah seperti di ***Rajah 2.1.1.***

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.1.1: Bilangan Laporan EIA Yang Diterima Mengikut Jenis Aktiviti Tahun 2025


Daripada sembilan belas (19) Laporan EIA yang diterima, sebanyak tiga belas (13) Laporan EIA telah diluluskan. Manakala, enam (6) Laporan EIA adalah tidak diluluskan. Pecahan bilangan status keputusan Laporan EIA yang diterima ditunjukkan dalam ***Rajah 2.1.2.***

Antara faktor – faktor Laporan EIA yang dikemukakan tidak dapat diluluskan kerana sebab-sebab berikut:

a) Gagal memenuhi kehendak Seksyen Subseksyen 34A(2C), AKAS 1974 iaitu langkah-langkah yang dicadangkan didapati tidak mencukupi untuk menghalang, mengurangkan atau mengawal kesan buruk ke atas alam sekeliling; dan

b) Gagal memenuhi kehendak Subseksyen 34A(4), AKAS 1974 iaitu tidak mengikut rancangan pemajuan atau rancangan fizikal yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.1.2: Bilangan Status Keputusan Laporan EIA Yang Diterima Tahun 2025

2.1.1 Penguatkuasaan dan Pemantauan Projek EIA

Penguatkuasaan dan pemantauan EIA adalah program tahunan yang dijalankan ke atas projek-projek yang telah mendapatkan kelulusan Laporan EIA bagi memastikan pematuhan terhadap syarat-syarat kelulusan Laporan EIA. Sejumlah 35 projek pembangunan yang mempunyai kelulusan Laporan EIA yang masih aktif kerja tanah telah dirancang untuk program penguatkuasaan pada tahun 2025. Berikut adalah jadual mengikut bilangan keseluruhan dan pencapaian penguatkuasaan serta pemantauan EIA bagi tahun 2025 seperti ***Jadual 2.1.1*** di bawah :

Penguatkuasaan dan Pemantauan EIA			
Aktiviti	**Jumlah Punca**	**Sasaran Pemeriksaan**	**Pencapaian Pemeriksaan**
Kerja tanah	34	161	4
Kuari	1	161	4

Jadual 2.1.1: Bilangan Punca Sasaran Pemeriksaan Dan Pencapaian Pemeriksaan Bagi Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pemantauan EIA Tahun 2025


BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.1.2 Pematuhan Aktiviti Kerja Tanah Pembangunan Projek EIA

Sepanjang tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan sebanyak seratus dua puluh (120) pemeriksaan ke atas aktiviti – aktiviti kerja tanah bagi projek pembangunan yang telah mempunyai kelulusan Laporan EIA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak seratus dua belas (112) pemeriksaan didapati patuh dan lapan (8) didapati tidak patuh kepada syarat-syarat kelulusan Laporan EIA yang telah diberikan kepada pihak pemaju.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak lapan (8) Notis Arahan telah dikeluarkan kepada pihak pemaju untuk tindakan penambahbaikan dan pematuhan terhadap notis tersebut. Pemeriksaan susulan dari semasa ke semasa bagi tujuan verifikasi terhadap langkah-langkah kawalan pencemaran dan penambahbaikan yang telah dilaksanakan sepertimana arahan yang diberikan oleh pegawai penyiasat.

Bilangan status pematuhan bagi pemeriksaan projek pembangunan yang tertakluk EIA adalah seperti dalam ***Rajah 2.1.3*** berikut:




Rajah 2.1.3: Bilangan Status Pematuhan Bagi Pemeriksaan Projek Pembangunan Yang Tertakluk EIA Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.1.3 Tindakan Penguatkuasaan dan Perundangan Bagi Projek Pembangunan

Dari 120 pemeriksaan yang dijalankan, sebanyak lapan puluh lima (85) field citation di lapangan telah dikeluarkan dan selebihnya adalah secara desktop enforcement (DE). Lapan (8) Notis Arahan dan tiga (3) tindakan mahkamah telah dikenakan kepada pemaju projek yang didapati tidak mematuhi kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Perincian tindakan yang dikenakan ke atas pemaju projek yang telah melakukan kesalahan di bawah perundangan di atas bagi projek-projek yang tertakluk kepada Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA adalah seperti di ***Rajah 2.1.4.***



Rajah 2.1.4: Bilangan Tindakan Penguatkuasaan dan Perundangan yang Dikenakan Ke atas Kesalahan Berkaitan Projek EIA Tahun 2025


BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.1.4 Kuari

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan dua (2) pemeriksaan ke atas satu (1) premis kuari yang masih menjalankan aktiviti kerja tanah. Pemeriksaan dijalankan bagi memastikan pematuhan terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA yang diluluskan adalah dipatuhi sepenuhnya serta tindakan pembaikkan dan pematuhan dilaksanakan oleh premis kuari. Berdasarkan pemeriksaan yang telah dijalankan ke premis kuari, mendapati sebanyak tiga (3) pemeriksaan adalah patuh dan satu (1) ketidakpatuhan terhadap Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA telah dikenalpasti.

2.1.5 Tindakan Penguatkuasaan Ke atas Kuari

Dua (2) pemeriksaan ke atas premis kuari telah dijalankan pada tahun 2025, sebanyak dua (2) field citation diberikan dan satu (1) Notis Arahan keluarkan kepada pihak kuari untuk melaksanakan langkah-langkah pembaikkan dan kawalan pencemaran yang lebih sempurna. Perincian jenis tindakan yang dikenakan ke atas premis kuari adalah seperti di ***Rajah 2.1.5.***



Rajah 2.1.5: Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Bagi Aktiviti Kuari Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

KERJA-KERJA PEMERIKSAAN KE ATAS PROJEK YANG MEMPUNYAI KELULUSAN LAPORAN EIA TAHUN 2025













BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN


2.2 INPUT PEMBANGUNAN

Dalam usaha untuk melestarikan alam sekitar, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga berperanan untuk memberi input bagi sesuatu cadangan pembangunan. Tujuan input pembangunan ini adalah bagi membantu menilai kesesuaian pembangunan yang dikemukakan dengan pembangunan sedia ada di sekitar cadangan tapak projek dan perancangan pembangunan yang akan dilaksanakan di Negeri Sembilan. Ulasan input pembangunan yang diberikan adalah berdasarkan keperluan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan merujuk kepada Guidelines on Pollution Prevention in Industrial Sitings, 2025.


Permohonan input pembangunan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah melibatkan permohonan kebenaran merancang, lesen perniagaan, permit bahan batuan, lesen mengorek pasir sungai dan daratan, lesen melombong, lesen abstraksi air dan lesen barang secondhand. Kebiasaannya permohonan ini dikemukakan oleh pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Daerah, pihak industri dan lain-lain agensi kerajaan. Pada tahun 2025, sejumlah seribu lapan ratus enam puluh tujuh (1,867) permohonan diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. Daripada jumlah itu, sebanyak seribu tiga ratus lima puluh empat (1,354) permohonan diterima dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban, dua ratus enam puluh satu (261) permohonan di Majlis Perbandaran Port Dickson, tujuh puluh tiga (73) permohonan di Majlis Perbandaran Jempol, enam puluh tiga (63) permohonan di Majlis Daerah Tampin, empat puluh sembilan (49) permohonan di Majlis Daerah Jelebu, empat puluh enam (46) permohonan di Majlis Daerah Rembau dan tiga puluh belas (30) permohonan di Majlis Daerah Kuala Pilah.

Sebagai perbandingan, pada tahun 2024 pula, sejumlah seribu lima ratus dua puluh tujuh (1,527) permohonan telah diterima. Bilangan ini meningkat sebanyak 18.21%. Pecahan bilangan permohonan yang diterima mengikut jenis adalah seperti berikut:

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Rajah 2.2.1: Pecahan bilangan Permohonan Yang Diterima Pada 2025




Rajah 2.2.2: Bilangan Permohonan Yang Diterima Tahun 2025 Mengikut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.3 PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

Pengawasan kualiti air tanah bertujuan untuk mengesan pencemaran air tanah di kawasan yang berpotensi menyebabkan risiko pencemaran air tanah mengikut kategori guna tanah. Terdapat sebanyak empat (4) buah stesen telaga pemantauan kualiti air tanah di Negeri Sembilan iaitu:

i. Dua (2) stesen terletak di Port Dickson yang berada di dalam kawasan Kualiti Alam Sdn. Bhd.
ii. Satu (1) stesen di Port Dickson yang terletak di dalam kawasan premis Tapak Pelupusan Sampah Cypark, Tanah Merah; dan
iii. Satu (1) stesen terletak di Senawang yang berada di dalam kawasan Edible Oil Sdn . Bhd . / Sky Kencana Sdn. Bhd.



S1-MW (7)-N5-1-8.00 Kualiti Alam, Bukit Nenas
S2-MW (7)-N5-1-7.55 Kualiti Alam, Bukit Nenas
S3-MW (7)-N4-1-6.44 Senawang Edilble Oil
S4-MW (7)-N210108-2-10.03 TPS Cypark, Tanah Merah

Gambar 2.3.1: Taburan Stesen Kualiti Air Tanah Kebangsaan Di Negeri Sembilan

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN


Setiap tahun, pengawasan kualiti air tanah dijalankan sebanyak empat (4) kali percontohan bagi setiap stesen. Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) digunakan bagi mengukur dan menilai tahap pencemaran air tanah. Bagi menilai tahap kualiti air tanah tersebut terbahagi kepada tiga (3) standard Kualiti Air Tanah Kebangsaan iaitu kegunaan air minum (bagi rawatan secara konvensional), kegunaan pertanian dan kegunaan industri. IKAT telah diperolehi berdasarkan kepada tujuh (7) parameter, dan parameter tersebut ialah *Phenol, Iron, Total Dissolved Solid, Sulfate, Nitrate, E-Coli* dan *pH*.

Ikat	Kategori	Kegunaan Berfaedah
0 – 15	Sangat Tercemar	Kajian diperlukan sebelum kegunaan
16 – 39	Tercemar	Pengairan / Pertanian
40 – 69	Sederhana	Air Mentah / Kegunaan industri
70 – 89	Baik	Berpotensi sebagai air minuman, tertakluk kepada pematuhan semua parameter yang disenaraikan dalam piawaian Kualiti Air Minum di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia
>90	Sangat Baik	Air berkualiti tinggi bagi semua bentuk penggunaan, tertakluk piawaian kualiti air yang ditetapkan untuk setiap bentuk penggunaan

Jadual 2.3.1: Indeks Kualiti Air Tanah

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bilangan percontohan dan frekuensi bagi pengawasan kualiti air tanah yang dijalankan pada tahun 2025 adalah seperti berikut:



Rajah 2.3.1: Laporan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

BIL	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN	GWQI	KATEGORI
1	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-3-7.55	17/02/2025	47.36	Sederhana
2	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-3-7.55	16/06/2025	47.52	Sederhana
3	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-3-7.55	02/09/2025	64.79	Sederhana
4	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-3-7.55	17/11/2025	81.73	Bersih

BIL	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN	GWQI	KATEGORI
5	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-2-8.00	17/02/2025	80.21	Bersih
6	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-2-8.00	16/06/2025	64.03	Sederhana
7	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-2-8.00	02/09/2025	81.33	Bersih
8	Kualiti Alam	MW(7)-N210108-2-8.00	17/11/2025	89.01	Bersih

BIL	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN	GWQI	KATEGORI
9	Senawang	MW(7)-N210108-1-6.44	17/02/2025	47.85	Sederhana
10	Senawang	MW(7)-N210108-1-6.44	16/06/2025	47.88	Sederhana
11	Senawang	MW(7)-N210108-1-6.44	02/09/2025	64.86	Sederhana
12	Senawang	MW(7)-N210108-1-6.44	17/11/2025	75.05	Bersih

BIL	LOKASI	ID STESEN	TARIKH PERSAMPELAN	GWQI	KATEGORI
13	Cypark Tanah Merah	MW(7)-N210108-2-10.03	17/02/2025	63.56	Sederhana
14	Cypark Tanah Merah	MW(7)-N210108-2-10.03	16/06/2025	45.74	Sederhana
15	Cypark Tanah Merah	MW(7)-N210108-2-10.03	02/09/2025	63.94	Sederhana
16	Cypark Tanah Merah	MW(7)-N210108-2-10.03	17/11/2025	63.45	Sederhana

Jadual 2.3.2: Keputusan Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Gambar 2.3.2: Kerja-kerja Pengawasan Kualiti Air Tanah Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.3 PENGAWASAN KUALITI AIR TANAH

2.4.1 Kebenaran Bertulis di Bawah Seksyen 19 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 adalah permohonan yang dikemukakan oleh pemohon untuk membina atau menjalankan kerja yang akan menyebabkan premis dikategorikan sebagai sebuah Premis yang Ditetapkan (PYDT).

Pada Tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak dua puluh dua (22) permohonan Kebenaran Bertulis di bawah Seksyen 19, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Jadual 2.4.1: Bilangan Permohonan Yang Diterima Dan Keputusan Terhadap Permohonan Tahun 2025

BIL	JENIS PERMOHONAN KEBENARAN BERTULIS, SEKSYEN 19	LULUS	DITOLAK	MAKLUMAT TAMBAHAN
1.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) BT	10	2	0
2.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KKS	6	0	4
3.	Premis Yang Ditetapkan (PYDT) KG	0	0	0

2.4.2 Lesen Di Bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) hendaklah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974.
Merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, terdapat tiga (3) jenis premis yang dikategorikan sebagai PYDT iaitu:

i. Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS);
ii. Kilang Getah Asli Mentah (KG); dan
iii. Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual (BT)

Pada Tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak lapan puluh lapan (88) permohonan pembaharuan/baru lesen di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN


Jadual 2.4.2: Bilangan Pembaharuan Lesen Yang Diterima Mengikut Jenis PYDT Tahun 2025

Bil	Permohonan Pembaharuan/baru Lesen	Bilangan Lesen Pembaharuan	Bilangan Lesen Baru
1.	Permohonan Pembaharuan/baru PYDT BT	60	4
2.	Permohonan Pembaharuan/baru PYDT KKS	14	0
3.	Permohonan Pembaharuan/baru PYDT KG	10	0

2.4.3 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009

Pemberitahuan bertulis merupakan tanggungjawab premis untuk memberitahu Ketua Pengarah sebelum menjalankan apa- apa kerja, pembinaan atau peningkatan atau membuat apa- apa perubahan sistem pengolahan efluen perindustrian (SPEP).

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima dan memproses sebanyak tiga puluh tiga (33) pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 4, Peraturan - Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009. Bilangan pemberitahuan bertulis yang diterima dan keputusan permohonan untuk Tahun 2025 adalah seperti jadual dibawah:



BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.4.4 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009

Pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekelilling (Kumbahan) 2009 pula merupakan pemberitahuan bertulis di bawah tanggungjawab premis sebelum membuang atau melepaskan atau membenarkan pembuangan atau pelepasan kumbahan ke dalam mana- mana tanah, atau mana-mana perairan pedalaman atau perairan malaysia. Sepanjang Tahun 2025, sebanyak lapan (8) permohonan telah diterima dan diproses oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

2.4.5 Pemberitahuan Bertulis Di Bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014

Premis-premis yang ingin menjalankan kerja-kerja pemasangan baru sistem kawalan pencemaran udara (SKPU) dan juga menaiktaraf SKPU dan alat pembakaran api perlu mengemukakan pemberitahuan bertulis di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Sebanyak satu ratus sembilan puluh (190) pemberitahuan bertulis bagi pemasangan baru dan naiktaraf SKPU telah diterima dan diperaku oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan pada Tahun 2025.

2.4.6 Lesen Pelanggaran

Lesen Pelanggaran merupakan satu lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi membolehkan premis melepaskan efluen atau kumbahan atau pengeluaran pencemaran udara melebihi had atau nilai batas yang ditetapkan. Terdapat dua (2) jenis lesen pelanggaran iaitu:

i. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 15, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009; dan
ii. Lesen Pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Sebanyak lima (5) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan tiga (3) permohonan lesen pelanggaran di bawah Seksyen 22, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.

2.5 PENDIDIKAN DAN KESEDARAN ALAM SEKITAR

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menganjurkan pelbagai program pendidikan dan kesedaran sepanjang tahun 2025 yang melibatkan pelbagai kategori seperti Rakan Alam Sekitar, guru-guru, pelajar sekolah dan orang awam serta komuniti.

Objektif pelaksanaan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar:

i. Mencapai tujuan-tujuan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN);
ii. Mendedahkan kepada masyarakat mengenai usaha-usaha kerajaan bagi memastikan alam sekitar yang bersih;
iii. Membentuk masyarakat yang membudayakan cara hidup serta penggunaan sumber serta pengeluaran yang lestari;
iv. Menyebarkan maklumat-maklumat mengenai kesedaran alam sekitar kepada setiap golongan sasar dan Masyarakat; dan
v. Meningkatkan kesedaran setiap individu tentang sumbangan dan peranan yang boleh diberikan dalam usaha mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar.

2.5.1 Program Rakan Alam Sekitar

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 telah mempunyai seramai 9693 ahli berdaftar di Negeri Sembilan sehingga Disember 2025. Program Rakan Alam Sekitar (RAS) melibatkan anggota masyarakat secara 'hands on' iaitu 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.2 Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar

Aktiviti ceramah dan pameran alam sekitar yang diberikan kepada para pelajar sekolah dan orang awam bertujuan untuk menanam kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar. Sepanjang tahun 2025, sebanyak dua puluh lima (25) siri ceramah serta tujuh belas (17) pameran bertemakan alam sekitar telah dilaksanakan melibatkan beberapa kumpulan sasaran di seluruh Negeri Sembilan.

Ceramah bersifat promosi alam sekitar mengenai pengurusan e-waste, buangan terjadual dan penipisan lapisan ozon telah dijalankan bagi meningkatkan tahap pengurusan alam sekitar selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) dan Akta Kualiti Alam Sekitar (AKAS) 1974 terutamanya bagi sektor perindustrian.

Pameran-pameran yang bertemakan alam sekitar turut dianjurkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi, sektor industri, swasta, komuniti dan agensi kerajaan. Pelbagai pengetahuan mengenai bagaimana alam sekitar boleh dipelihara serta meningkatkan kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar demi masa depan dan generasi akan datang





BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Gambar 2.5.2.1: Ceramah Dan Pameran Alam Sekitar Tahun 2025

2.5.3 Sambutan Hari Bumi

Sambutan Hari Bumi diadakan sebagai usaha menghargai bumi dan menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Hari Bumi dimulakan oleh John McConnell pada 1969, setiap tahun ketika ekuinoks, iaitu pencerapan global yang diasaskan oleh Gaylord Nelson sebagai pengajar alam sekitar. Sejak Januari 1970, Hari Bumi merupakan program tahunan yang disambut di seluruh dunia pada setiap 22 April pada setiap tahun. Tema Hari Bumi tahun ini adalah "Our power, Our planet". Sambutan secara global ini menjadi inisiatif yang penting dalam menerapkan lagi kecintaan masyarakat terhadap alam sekitar.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Majlis Perasmian Sambutan Hari Bumi telah diadakan di Balai Raya Kg. Dato' Mansor, Seremban, Negeri Sembilan pada 26 April 2025 dan turut dihadiri seramai 300 pengunjung yang terdiri dari komuniti Kg. Dato' Mansor, pelajar sekolah serta mahasiswa Uitm Kampus Seremban.

Beberapa program pengisian sempena sambutan Hari Bumi ini juga telah dijalankan seperti Pertandingan Finger Painting bertemakan “Hentikan Pembakaran Terbuka”, Pertandingan Ekon Sukan Rakyat, Pertandingan Eko Hero Kecil, SDG Treasure Hunt, Pemberian Pokok Percuma, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, Demonstrasi Dron, Pengumpulan buangan Elektrik dan Eleltronik (E-waste), dan Pengumpulan minyak masak terpakai.









Gambar 2.5.3.1: Program Sambutan Hari Bumi Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.4 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Pada 5 Jun setiap tahun, sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia disambut oleh seluruh negara yang menandatangani United Nations Environment Programme (UNEP) bagi menggalakkan kesedaran dan tindakan dalam memastikan alam sekitar terus terpelihara. Tema pada tahun ini adalah “Beat Plastic Pollution”. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025 telah dilaksanakan secara fizikal. Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia ini telah diadakan di Masjid Kg. Paya, Port Dickson, Negeri Sembilan dan turut dihadiri seramai 300 pengunjung yang terdiri daripada pelajar sekolah, orang awam dan rakan alam sekitar.









BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Gambar 2.5.4.1: Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2025

2.5.5 Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia

Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia *(International Day for the Preservation of the Ozone Layer)* disambut pada 16 September pada setiap tahun di seluruh dunia bagi memperingati Protokol Montreal yang telah ditandatangani pada tahun 1987. Bagi tahun 2025 tema sambutan Hari Ozon Sedunia adalah *"From Science to Global Action"*.Tema ini menekankan kepentingan peranan sains dalam memacu usaha pemuliharaan lapisan ozon, melindungi alam sekitar dan menghargai penemuan saintifik yang membantu melindungi bumi serta meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab bersama dalam pemuliharaan lapisan ozon.

Sambutan Hari Ozon Tahun 2025 telah diadakan pada 14 Oktober 2025 di Pusat Kegiatan Pelajar, Uitm Kampus Seremban dan turut dihadiri seramai 500 orang yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah, pelajar uitm, Agensi Kerajaan, Swasta dan orang awam. Antara program yang dijalankan adalah Majlis Sambutan Hari Ozon Sedunia, Ecorobic, Eco Treasure Hunt, Pertandinagn mewarna kanak kanak sekolah rendah, *One Minute Talk Competition online*, Pameran dan jualan.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Gambar 2.5.5.1: Sambutan Hari Perlindungan Lapisan Ozon Sedunia Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.6 Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)

Gambar 2.5.6.1: Logo SLAAS Sesi 2023/2024 Peringkat Negeri Sembilan

Fokus utama program ini adalah memupuk budaya kebersamaan serta meningkatkan komunikasi yang lebih berkesan dalam kalangan pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi meningkatkan bilangan penyertaan sekolah dalam SLAAS. Selain itu, SLAAS juga bertujuan memberikan pendedahan mengenai pembentukan persekitaran sekolah yang menitikberatkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam aspek pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. Objektif program Sekolah Lestari adalah seperti berikut:

i. Memupuk nilai murni alam sekitar pada kalangan warga sekolah;
ii. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar;
iii. Meningkatkan kerjasama antara sekolah dengan masyarakat dalam menjayakan pendidikan alam sekitar; dan
iv. Mewujudkan suasana sekolah yang lebih kondusif bagi melahirkan warga sekolah yang mempraktikkan amalan hidup lestari.

SLAAS telah memasuki kitaran kesepuluh (10) pada tahun 2025. Tahun 2025 merupakan tahun promosi kepada Pejabat Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah bagi menyertai SLAAS. Jadual 2.5.6.2 : Jadual Penyertaan Sekolah mengikut Pejabat Pendidikan Daerah SLAAS Sesi 2025/2026.

Program SLAAS sesi 2025/2026 telah menarik penyertaan sebanyak dua puluh enam (26) buah sekolah yang terdiri daripada lapan (8) sekolah menengah dan lapan belas (18) buah sekolah rendah dari seluruh Negeri Sembilan.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Bil	Pejabat Pendidikan Daerah	Jumlah Penyertaan Sekolah
1	Seremban	7
2	Port Dickson	5
3	Tampin	4
4	Kuala Pilah	2
5	Rembau	3
6	Jempol & Jelebu	5

Jadual 2.5.6.2 : Jadual Jumlah Penyertaan Sekolah Mengikut Pejabat Daerah SLAAS Sesi 2025/2026



Gambar 2.5.6.3: Bengkel Promosi Sekolah Lestari – Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) Sesi 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.7 Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN)



Gambar 2.5.7.1: Logo Hari Alam Sekitar Negara 2025

Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dianjurkan bermula tahun 2016 yang mana ia dijenamakan semula dari sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM). Sambutan ini merupakan salah satu elemen pembaharuan dalam sambutan berkaitan bagi meningkatkan rasa kecintaan kepada alam sekitar dan dijadikan agenda nasional dengan penglibatan secara menyeluruh agensi kerajaan, swasta serta pihak-pihak berkepentingan melalui kerjasama pintar dan strategik serta Rakan MoU Jabatan Alam Sekitar di seluruh negara.

Objektif Sambutan HASN adalah:

i. Mempromosikan pendidikan dan kesedaran alam sekitar secara meluas;
ii. Menyediakan 'platform' kepada warga Malaysia untuk bersama-sama menghayati alam sekitar;
iii. Mengiktiraf kepada mereka yang telah memberi sumbangan dan jasa kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar; dan
iv. Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.4 Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia

Jabatan ini telah berkolaborasi bersama Kerajaan Negeri Sembilan bagi sambutan HASN yang diadakan pada 1 November 2025 dengan tema 'Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama'.

Sambutan HASN tahun 2025 peringkat Negeri Sembilan telah diadakan di Batu 1, Port Dickson Negeri Sembilan telah dirasmikan oleh YB Veerapan A/L Superamaniam, Exco Jawatankuasa Bertindak Keusahawanan Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Kerajaan Negeri Sembilan.

Majlis perasmian tersebut juga dimeriahkan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang - pemenang pertandingan yang dijalankan sempena program ini iaitu pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) peringkat komuniti Negeri Sembilan, pertandingan enviro video bertemakan “Pembakaran Terbuka”, dan Pertandingan reruai terbaik bertemakan Pembakaran Terbuka.Selain itu, pelbagai aktiviti menarik diadakan semasa sambutan HASN 2025 peringkat Negeri Sembilan, antaranya adalah Pameran daripada Jabatan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Food Truck, Zumba, Cabutan Bertuah, Aktiviti Mewarna, Saringan kesihatan am dan pergigian, Perkhidmatan kaunter JPJ, Kaunter bayaran saman PDRM dan Pameran gajah.Pertandingan pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan jumlah terkumpul sebanyak 4,507.99 kg sepanjang pertandingan dijalankan.

Program ini telah dihadiri oleh 2,000 pengunjung daripada pelbagai lapisan masyarakat.

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN



Gambar 2.5.7.1: Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Tahun 2025

BAB 2
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

2.5.8 Program Pengumpulan Buangan Elektrik Dan Elektronik (e-Waste)

Kempen dan program pengumpulan e-waste ini melibatkan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan dengan rakan stratergik MoU iaitu premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul dan memproses buangan peralatan elektrik dan elektronik tersebut.

Sebanyak 9,616.44kg jumlah berat e-waste yang dikumpul sepanjang kempen tersebut dan sambutan yang dijalankan sepanjang tahun 2025 iaitu bagi Sambutan Hari bumi (353.00kg), Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia,WED (804.00kg), Sambutan Hari Ozon (50.00kg), Sambutan Hari Alam Sekitar Negara,HASN (4,507.99kg) dan pengumpulan peringkat komuniti (3,901.45kg).



Gambar 2.5.9: Program Pengumpulan Buangan Elektrik dan Elektronik (e- Waste) Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.1 KAWALAN PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT)

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menjalankan penguatkuasaan terhadap premis dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Terdapat tiga (3) premis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan iaitu:

i. Premis yang ditetapkan - Kilang Getah Asli Mentah;
ii. Premis yang ditetapkan - Kilang Kelapa Sawit Mentah; dan
iii. Premis yang ditetapkan - Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual.

3.1.1 Kilang Getah Asli Mentah (KG)

Bagi Kilang Getah Asli Mentah (KG), sebanyak sepuluh (10) buah kilang getah telah dilesenkan tahun 2025. Sebanyak satu (1) buah kilang getah yang dilesenkan ini melepaskan efluan terolah melalui kaedah pelepasan ke alur air dan sebuah (1) kilang getah melepaskan efluen terolah ke atas tanah. Manakala terdapat sebanyak lapan (8) kilang getah mengamalkan kitar semula efluen.

3.1.2 Kilang Kelapa Sawit Mentah (KKS)

Pada tahun 2025, sebanyak empat belas (14) buah kilang kelapa sawit telah dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan.
Sebanyak tujuh (7) buah kilang kelapa sawit yang dilesenkan melepaskan efluen terolah ke dalam alur air, tujuh (7) buah kilang kelapa sawit melepaskan efluen terolah ke atas tanah.

3.1.3 Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual dan Pembawa Yang Ditetapkan.

Kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual merupakan premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memproses, merawat dan melupuskan buangan terjadual yang dihasilkan oleh pengeluar buangan. Terdapat enam (6) jenis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan iaitu:

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.1.3 Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual dan Pembawa Yang Ditetapkan.

Kemudahan pengolahan dan pelupusan buangan terjadual merupakan premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi memproses, merawat dan melupuskan buangan terjadual yang dihasilkan oleh pengeluar buangan. Terdapat enam (6) jenis yang dikategorikan sebagai premis yang ditetapkan iaitu:

i. Kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual
ii. Kemudahan pengolahan luar tapak buangan terjadual
iii. Kemudahan pemerolehan kembali luar tapak buangan terjadual
iv. Penunu buangan terjadual
v. Kemudahan pengolahan di tanah buangan terjadual
vi. Tapak pelupusan selamat buangan terjadual, pembawa yang ditetapkan pula adalah merujuk kepada mana-mana kenderaan atau kapal yang digunakan bagi tujuan pergerakan, pemindahan atau pengangkutan buangan terjadual.

Pada tahun 2025, sejumlah tiga puluh (30) premis telah dilesenkan di bawah Seksyen 18(1) dan (1A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan bilangan jenis lesen dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan adalah seperti berikut:


BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

BIL	JENIS LESEN	SPESIFIK LESEN	JUMLAH
1	Kemudahan Penstoran Luar Tapak	Kemudahan Penstoran Luar Tapak	1
2	Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak	Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (Bukan e-waste)	21
		Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak (e-waste)	2
		Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (e-waste)	6
3	Kemudahan Pengolahan Luar Tapak	Kemudahan Pengolahan Luar Tapak (pensterilan dengan menggunakan ozon)	2
		Kemudahan Pengolahan Luar Tapak Gelombang Mikro (CWTC)	1
		Kemudahan Loji Fizikal Dan Kimia (PCT)	1
		Kemudahan Loji Solidifikasi	1
4	Penunu BT (Incinerator)	Penunu BT (Incinerator)	1
		Penunu Buangan Terjadual Schedule Waste To Energy (SWTE)	1
5	Tapak Pelupusan Selamat	Tapak Pelupusan Selamat	1
6	Pembawa Yang Ditetapkan	Pembawa Yang Ditetapkan	1
	Jumlah Keseluruhan		**64**


Jadual 3.1.1 Jumlah Lesen PYDT BT Mengikut Jenis Lesen Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

Rajah 3.1.2: Jumlah Premis yang Ditetapkan (PYDT) Mengikut Jenis Lesen Tahun 2025



Rajah 3.1.2: Peratus Premis Yang Ditetapkan (PYDT) Tahun 2025



BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.2 Kawalan Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) adalah merujuk kepada premis selain dari yang dilesenkan oleh JAS di bawah Seksyen 18, Akta 127 iaitu selain daripada kilang getah asli mentah, kilang kelapa sawit mentah dan kilang/kemudahan yang menjalankan proses pemerolehan kembali, pengolahan dan pelupusan buangan terjadual. Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan juga telah menjalankan penguatkuasaan ke atas Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) sepanjang tahun 2025. Penguatkuasaan ini bagi premis yang menjalankan aktiviti melibatkan industri pembuatan, kilang makanan dan minuman, kilang kitar semula plastik, loji kumbahan, tapak pelupusan sampah dan lain-lain premis di kawasan Negeri Sembilan Utara (Kawasan Nilai, Sendayan dan Enstek), Negeri Sembilan Barat (Daerah Seremban, Port Dickson dan Rembau) dan Negeri Sembilan Timur (Daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Tampin).

Terdapat sebanyak 2593 buah premis PYBDT di dalam inventori Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan daripada jumlah tersebut, sebanyak 749 pemeriksaan telah dijalankan, melibatkan pelbagai jenis industri bagi mematuhi peraturan-peraturan berikut :

- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014; dan
- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan, tindakan susulan telah diambil terhadap premis seperti dengan mengeluarkan field citation, notis arahan, kompaun, penahanan operasi kelangkapan, dan tindakan mahkamah.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI



Rajah 3.2.1: Bilangan Pemeriksaan ke atas Premis PYBDT Mengikut Suku Tahun; Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI













Gambar 3.2.1: Aktiviti-Aktiviti Penguatkuasaan Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.3 KAWALAN KENDERAAN BERMOTOR

3.3.1Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan melalui Unit Kenderaan Bermotor telah menjalankan Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 yang mana tahap pelepasan yang perlu dipatuhi adalah tidak melebih 50 HSU%. Jadual di bawah menunjukkan bilangan program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025:

Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel	Pencapaian 2025
Ops Statik	
Bilangan operasi	35
Bilangan kenderaan diperiksa (visual & ditahan untuk ujian meter)	823
Bilangan kenderaan diuji (ujian meter)	215
Bilangan kenderaan dikompaun	63
Bilangan kenderaan patuh	608
Bilangan kenderaan diarah diuji semula	230
Bilangan kenderaan dikenakan perintah larangan	15
Ops Catat dan Kamera Video	
Bilangan operasi	215
Bilangan kenderaan dicatat	713
Bilangan kenderaan diarah hadir untuk ujian pelepasan asap	15
Bilangan kehadiran pemeriksaan uji semula di PUSPAKOM	57

Jadual 3.2.1: Pencapaian Program Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.3.2 Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol

Program kawalan pelepasan karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC) dijalankan bagi kenderaan yang menggunakan bahan api petrol bagi menguji tahap pelepasan dua (2) jenis gas iaitu Karbon Monoksida (CO) dan Hidrokarbon (HC). Tahap pelepasan yang dibenarkan adalah seperti di bawah Peraturan 10, Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol	Pencapaian 2025
Bilangan operasi	13
Bilangan kenderaan diuji (ujian meter)	79
Bilangan kenderaan dikompaun	0
Bilangan kenderaan patuh	61
Bilangan kenderaan diarah diuji semula	18
Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS	0

Jadual 3.2.2 : Pencapaian Program Kawalan Pelepasan CO/HC Kenderaan Petrol Tahun 2025

3.3.3 Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal

Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal adalah seperti di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Jadual di bawah menunjukkan bilangan program kawalan pelepasan bunyi bising dari motosikal yang telah dilaksanakan pada tahun 2025.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal	Pencapaian 2025
Bilangan operasi	3
Bilangan motosikal diperiksa (saringan awal & ditahan untuk ujian meter)	51
Bilangan motosikal diuji (ujian meter)	51
Bilangan motosikal dikompaun	0
Bilangan motosikal patuh	13
Bilangan motosikal diarah diuji semula	0
Bilangan pemeriksaan uji semula oleh JAS	0

Jadual 3.2.3: Program Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Dari Motosikal Tahun 2025

3.3.4 Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor

Unit Kenderaan Bermotor juga menjalankan lain-lain program kawalan kenderaan bermotor seperti pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL), pemeriksaan pengendali berkumpulan (fleet operator), penguatkuasaan pengurusan refrigeran dan penguatkuasaan Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996.

Program pengujian refrigeran kenderaan telah dijalankan di bengkel-bengkel servis pendingin udara kenderaan dan juga terhadap kenderaan orang awam.

Program Pengendali Berkumpulan merupakan penguatkuasaan terhadap syarikat-syarikat pengendali berkumpulan yang mengendalikan kenderaan berenjin diesel yang melebihi sepuluh (10) buah. Lawatan terhadap pengendali berkumpulan dilakukan bagi memastikan kenderaan-kenderaan yang dikendalikan melakukan pemeriksaan asap secara berkala di Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) oleh Jabatan Alam Sekitar supaya mematuhi standard pelepasan asap yang telah ditetapkan.

Pencapaian 2025 bagi lain-lain program kawalan kenderaan bermotor adalah seperti dalam Jadual berikut.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

Lain-lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor	Pencapaian 2025
Pemeriksaan Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)	1
Program Pemeriksaan Fleet Operator	19
Penguatkuasaan Pengurusan Refrigeran	10
Penguatkuasaan Per.16	8
Program Khas	3

Jadual 3.2.4: Lain-Lain Program Kawalan Kenderaan Bermotor Tahun 2025









BAB 3
BAHAGIAN OPERASI





Gambar 3.2.1: Penguatkuasaan Kawalan Pelepasan Asap Hitam Kenderaan Diesel dan Kawalan Fleet Operator Premis Yang Mengendalikan Kenderaan Berenjin Diesel Tahun 2025

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.4 ADUAN

Unit Aduan, Kontingensi & Pembakaran Terbuka telah menerima aduan daripada pelbagai pihak sama ada orang awam, Badan Bukan Kerajaan (NGO) atau daripada agensi kerajaan. Siasatan bagi kes aduan pembakaran terbuka adalah mengikut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Diisytiharkan) (Pembakaran Terbuka) 2003.

Antara lokasi yang sering dikesan melakukan pembakaran terbuka adalah di ladang getah, hutan, belukar, tapak kutipan sisa pepejal, ladang kelapa sawit, tapak pembinaan, ladang getah dan lain-lain. Pengesanan pembakaran terbuka di kawasan tersebut akan dikesan dan dicerap melalui satelit yang dipantau dan dilaporkan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC).


3.4.1 Kategori Aduan Pencemaran

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima sebanyak tujuh ratus enam puluh (760) aduan pada tahun 2025. Untuk perbandingan, sejumlah enam ratus dua puluh sembilan (629) aduan diterima pada tahun 2024. Bilangan aduan ini meningkat sebanyak 20.83 peratus dari tahun 2024 hingga 2025.

Berdasarkan data pada tahun 2025, bulan Julai mencatatkan jumlah aduan tertinggi, iaitu sebanyak 113 kes. Faktor-faktor yang berkemungkinan menyumbang kepada peningkatan ini termasuk: Aktiviti pembakaran terbuka yang meningkat selepas musim perayaan dan keadaan cuaca yang lebih kering, menyebabkan orang awam melakukan pembakaran terbuka.

Bulan dengan Aduan Terendah ialah bulan Januari mencatatkan jumlah aduan paling rendah, sebanyak 41 kes. Penurunan ini mungkin disebabkan oleh peralihan musim monsun yang mengurangkan aktiviti pembakaran terbuka.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI




Rajah 3.4.1: Bilangan Aduan Mengikut Bulan pada Tahun 2025

Bagi tahun 2025, bilangan aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan menunjukkan taburan yang berubah-ubah mengikut bulan seperti yang digambarkan dalam ***Rajah 3.4.1***. Bulan Julai merekodkan bilangan aduan tertinggi iaitu 113 aduan, diikuti oleh Ogos (78 aduan), Mei (76 aduan) dan Oktober (69 aduan). Pola ini menunjukkan bahawa terdapat beberapa tempoh puncak di mana aduan berkaitan pencemaran meningkat dengan ketara berbanding bulan-bulan lain.

Sebaliknya, bilangan aduan terendah direkodkan pada bulan Januari iaitu sebanyak 41 aduan, diikuti oleh bulan Disember yang mencatatkan 45 aduan. Bulan-bulan lain seperti Februari (63 aduan), Mac (61 aduan), April (56 aduan), Jun (59 aduan), September (47 aduan) dan November (52 aduan) menunjukkan paras aduan yang sederhana.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI




Rajah 3.4.2: Bilangan Aduan Mengikut Daerah Tahun 202

Pada tahun 2025, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan telah menerima sebanyak 760 aduan yang diagihkan mengikut daerah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.4.2. Daerah Seremban mencatatkan bilangan aduan tertinggi iaitu 549 aduan atau kira-kira 72.3% daripada jumlah keseluruhan.

Kedudukan ini sejajar dengan peranan Seremban sebagai pusat pentadbiran dan tumpuan pembangunan perindustrian serta kawasan perumahan yang padat, yang secara langsung meningkatkan potensi berlakunya aduan pencemaran dan gangguan alam sekitar.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI



Rajah 3.4.3: Bilangan Aduan Mengikut Jenis Pencemaran Tahun 2025

Pada tahun 2025, aduan yang paling tinggi diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan ialah aduan pencemaran udara, iaitu sebanyak 628 aduan atau lebih kurang 82.6% daripada jumlah keseluruhan. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu berkaitan pembakaran terbuka kekal menjadi kebimbangan utama orang awam.


Aduan pencemaran air merupakan kategori kedua tertinggi dengan 64 aduan (sekitar 8.4%). Aduan ini lazimnya melibatkan kejadian pencemaran sungai, longkang, kolam takungan dan perlepasan efluen yang berpotensi menjejaskan sumber air. Seterusnya, aduan berkaitan tumpahan minyak, buangan terjadual, bunyi bising dan lain-lain jenis pencemaran masing-masing berada pada paras yang lebih rendah, iaitu sekitar 2.5% setiap satu dengan anggaran 8-29 aduan. Walaupun bilangannya kecil berbanding pencemaran udara, kategori ini tetap signifikan kerana melibatkan risiko keselamatan, kesihatan awam dan impak jangka panjang terhadap kualiti alam sekitar sekiranya tidak dikawal.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.5 STATISTIK TINDAKAN PENGUATKUASAAN

3.5.1 Notis Arahan

Pada tahun 2025, Jabatan ini telah mengeluarkan sebanyak tiga ratus tiga (303) Notis Arahan kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya supaya premis mengambil tindakan penambahbaikan dengan segera.




Rajah 3.5.1: Bilangan Notis Arahan Yang Dikeluarkan Tahun 2025

Rajah 3.5.1 menunjukkan Notis Arahan dikeluarkan kepada Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) iaitu sebanyak tujuh puluh satu (71) notis arahan, tujuh puluh empat (74) notis arahan kepada kenderaan bermotor, dua puluh lima (25) notis arahan kepada Premis Yang Ditetapkan (PYDT) dan lapan (8) notis arahan kepada projek-projek tertakluk EIA, operator Loji Rawatan Air dan operator Tapak Pelupusan Sampah sebanyak tiga (3) notis arahan.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.5.2 Kompaun

Susulan dari siasatan penguatkuasaan termasuk OPS Gempur yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Jabatan telah mengeluarkan tawaran kompaun kepada premis / pemilik yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. Sepanjang tahun 2025, sejumlah satu ratus empat puluh dua (142) kompaun telah ditawarkan.




Rajah 3.5.2: Bilangan Tawaran Kompaun Mengikut Peraturan Dan Seksyen Kesalahan Tahun 2025

Rajah 3.5.2 menunjukkan Kompaun bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Efluen Perindustrian (Efluen Perindustrian) 2009 sebanyak empat puluh dua (42), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 sebanyak tiga puluh lapan (38), Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) lima puluh sembilan (59) dan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam (Kumbahan) 2009 sebanyak tiga (3) kompaun telah ditawarkan.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

3.5.3 Pendakwaan dan Tindakan Mahkamah

Sepanjang tahun 2025, sebanyak dua puluh lima (25) kertas siasatan telah disediakan dan 19 kertas siasatan telah didaftarkan bagi tindakan mahkamah. Sebanyak tiga (3) kes yang telah dipertuduhkan di mahkamah telah selesai dan dikenakan hukuman denda di mahkamah. Jumlah keseluruhan hukuman denda yang telah dijatuhkan sepanjang 2025 termasuk kes-kes bagi tahun-tahun sebelumnya adalah sebanyak RM 540,000.00. Rajah 3.5.3 menunjukkan Bilangan Pertuduhan Didaftarkan Mengikut Kesalahan Tahun 2025.



Rajah 3.5.3: Bilangan Pertuduhan Didaftarkan Mengikut Kesalahan Tahun 20255

Rajah 3.5.3 menunjukkan pertuduhan di bawah Seksyen 16, AKAS 1974 iaitu sebanyak enam (6), pertuduhan Seksyen 18, AKAS 1974 sebanyak tujuh (7), pertuduhan Seksyen 19, AKAS 1974 sebanyak tiga (3), pertuduhan Seksyen 41, AKAS 1974 sebanyak satu (1), pertuduhan Seksyen 34 A, AKAS 1974 sebanyak tujuh (7), pertuduhan Seksyen 34B, AKAS 1974 sebanyak lima (5) dan pertuduhan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 sebanyak empat (4) telah dipertuduhkan di mahkamah.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

PENUTUP

Laporan Tahunan 2025 telah memperlihatkan komitmen yang tinggi dan prestasi yang cemerlang daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan dalam melestarikan kualiti alam sekitar selaras dengan keperluan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Secara keseluruhannya, JAS Negeri Sembilan telah mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan sepanjang tahun 2025.

Pencapaian ini disokong oleh Bahagian Pentadbiran dan Kewangan melalui pengisian 64 jawatan waran bagi memperkukuh penyampaian perkhidmatan. Prestasi perbelanjaan mengurus yang mencapai 97.96% dan perbelanjaan pembangunan 99.62% menunjukkan pengurusan dan perbelanjaan peruntukan yang sangat baik, cekap dan berkesan.

Bahagian Operasi, Jabatan Alam Sekitar N.Sembilan pada tahun 2025 ini berjaya melaksanakan lawatan penguatkuasaan ke atas semua Premis Yang DiTetapkan (PYDT), disamping menjalankan pemeriksaan ke atas Premis Yang Bukan DiTetapkan (PYBDT) termasuk kesemua aduan yang diterima berjaya disiasat. Unit Kenderaan Bermotor turut merekodkan pencapaian membanggakan menerusi Operasi Statik dan Operasi Catat bagi kenderaan diesel/petrol serta motosikal bagi memastikan pelepasan asap hitam dan bunyi bising berada di bawah paras dibenarkan. Tindakan penguatkuasaan terhadap pesalah terus dilaksanakan mengikut peruntukan dan prosedur yang ditetapkan melalui pengeluaran notis arahan, tawaran kompaun dan tindakan mahkamah.

Dari aspek pembangunan, Kawalan alam sekitar diperkukuh melalui pemprosesan Laporan EIA dengan 100% pematuhan Piagam Pelanggan dan pelaksanaan pemantauan kerja tanah serta kuari dengan 93.3% tahap pematuhan premis. Pemantauan di empat (4) stesen kualiti air tanah pula menunjukkan status indeks antara 'Sederhana' hingga 'Bersih', mencerminkan keberkesanan pemantauan berkala dalam mengawal risiko pencemaran air bawah tanah.

BAB 3
BAHAGIAN OPERASI

PENUTUP

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan turut memberikan ulasan input pembangunan kepada Pihak Berkuasa Negeri bagi memastikan kesesuaian pembangunan selari dengan perancangan negeri. Pada tahun 2025, sebanyak 1,867 permohonan input pembangunan diterima dan berjaya diproses walaupun berlaku peningkatan permohonan sebanyak 18.21% berbanding tahun 2024.

PencapaianJabatan Alam Sekitar N.Sembilan turut ini diimbangi dengan usaha-usaha kesedaran dan pendidikan. Penglibatan komuniti menerusi 9,693 ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) yang telah berdaftar di peringkat negeri, penganjuran Sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia, Hari Ozon Sedunia, Hari Alam Sekitar Negara serta promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) membuktikan pendekatan proaktif jabatan dalam membentuk masyarakat lestari.

Secara keseluruhannya, JAS Negeri Sembilan bersedia untuk terus memainkan peranan sebagai benteng utama dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar di Negeri Sembilan menerusi pematuhan industri dan projek-projek pembangunan. Dengan sinergi yang utuh dan sokongan berterusan daripada kerajaan negeri, rakan strategik, sektor perindustrian, institusi pendidikan, dan seluruh lapisan masyarakat, visi ke arah negeri yang bersih, hijau, dan mampan akan dapat direalisasikan selaras dengan slogan

"Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN